



IKLAN JAWATAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

A. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	Naib Canselor
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	Gred Utama Turus III (VU4)(Terbuka)
Gaji	Pakej imbuhan mengikut kelayakan dan elauan yang ditetapkan

B. KRITERIA UMUM

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

i) Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan PhD merupakan satu kelebihan, mendapat *command of respect* daripada kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwaspit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii) Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii) Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills*, berpendekatan strategik yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan. Pengalaman dan rekod kecemerlangan kepimpinan merupakan antara ciri utama menentukan kemampuan calon selain kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

iv) Reputasi

Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat di dalam dan luar kampus.

v) Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.

vi) Berfikiran Jauh dan Kritis

Penyandang mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.

vii) Berintegriti

Penyandang perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tata tertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.

viii) Kapasiti Menjana Pendapatan

Penyandang mestilah mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang-peluang baharu serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan sumber secara optimum untuk menjana pendapatan universiti.

ix) Pengurusan Kewangan dan Pemasaran Strategik

Penyandang mestilah mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan dan pemasaran strategik di samping pengurusan bakat untuk memimpin secara berkesan bagi mencapai matlamat sebagai institusi pilihan terbaik.

x) Menghayati Agenda Nasional

Penyandang perlu menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Penyandang juga perlu mampu untuk menghargai kepelbagaian serta merealisasikan dasar-dasar negara dan agenda nasional.

C. CARA PERMOHONAN

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan surat permohonan rasmi berserta dokumen seperti di bawah:

- i) *Curriculum Vitae (CV) Kepimpinan (seperti format di **Lampiran 2**).*
- ii) *Curriculum Vitae (CV) penuh calon yang memohon.*
- iii) *Salinan sijil (jika berkaitan).*
- iv) *Kertas cadangan mengenai misi dan visi sekiranya dilantik sebagai Naib Canselor.*
- v) *Kertas cadangan mengenai pembangunan dan kebijakan pelajar serta staf sekiranya dilantik sebagai Naib Canselor.*

- **Surat permohonan rasmi dan dokumen-dokumen dalam format PDF perlu dihantar melalui emel: registrar@usm.my**
 - **Tarikh tutup permohonan: 26 Jun 2025 (Khamis)**
 - ***Calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek/dipanggil untuk sesi temu duga***

D. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada:

MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF

Pendaftar

Universiti Sains Malaysia

No. Telefon : 04-6533111

Emel : registrar@usm.my